

TEKS UCAPAN OLEH:

Y.BHG DATO' MOEHAMAD IZAT EMIR

MAJLIS:

SEMINAR PEMBANGUNAN KAPASITI

USAHAWAN BUMIPUTERA

PADA:

17 DISEMBER 2011

TEMPAT:

SELESA RESORT, BUKIT TINGGI,

PAHANG DARUL MAKMUR

YANG BERUSAHA TUAN PENGERUSI MAJLIS,

TETAMU KEHORMAT YANG DIRAIKAN,

YBHG. ENCIK ASAARI ZAINUDDIN

KETUA PENOLONG PENGARAH

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI,

KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN

YANG DIHORMATI,

BARISAN AHLI JAWATANKUASA TERTINGGI

PERDASAMA DAN AHLI JAWATANKUASA PUSAT

PERDASAMA NASIONAL, YANG DIPERTUA

CAWANGAN DAN BARISAN AJK NEGERI, AHLI-

AHLI PERDASAMA, PARA TETAMU JEMPUTAN,

BARISAN PENAJA DAN SIDANG HADIRIN YANG

DIMULIAKAN SEKELIAN.

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

1. SEMINAR PEMBANGUNAN KAPASITI USAHAWAN BUMIPUTERA INI DIANJURKAN KHUSUS UNTUK MEMBERIKAN MAKLUMAT-MAKLUMAT PENTING KEPADA PEMIMPIN DAN AHLI PERDASAMA DARIPADA CAWANGAN-CAWANGAN SELURUH MALAYSIA. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA **KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** KERANA SUDI MENJADI RAKAN KERJASAMA DALAM MENJAYAKAN PROGRAM PADA HARI INI.

2. PADA HARI INI PERDASAMA BERBESAR HATI MENJEMPUT WAKIL-WAKIL DARIPADA AGENSI KERAJAAN, INSTITUSI KEWANGAN DAN SYARIKAT PERNIAGAAN YANG MENJADI RAKAN SOKONGAN TERMASUKLAH **SME CORP, BANK SIMPANAN NASIONAL, RHB BANK BERHAD, MARA** DAN **KILLINEY KOPITIAM** UNTUK MENYAMPAIKAN MAKLUMAT TERKINI TENTANG KEMUDAHAN-KEMUDAHAN PERNIAGAAN YANG ADA DAN JUGA PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN YANG BOLEH DIUSAHAKAN.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

3. DALAM KESEMPATAN KITA BERKUMPUL PADA KALI INI, IZINKAN SAYA UNTUK

MENGHIMBAU SEJENAK BERKAITAN KEDUDUKAN USAHAWAN BUMIPUTERA DI NEGARA. SETELAH NEGARA MENCAPAI KEMERDEKAAN HAMPIR 55 TAHUN, TERNYATA MASIH BANYAK PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN UNTUK MENGGANGKAT EKONOMI MELAYU KE TAHAP YANG SEWAJARNYA. WALAUPUN SUDAH RAMAI USAHAWAN MELAYU YANG TELAH BERJAYA SAMA ADA DI PERINGKAT TEMPATAN MAHUPUN GLOBAL, NAMUN LEBIH RAMAI YANG PERLU DIBANTU.

4. MENTALITI UNTUK BERASA SELESA DENGAN PEKERJAAN DI SEKTOR KERAJAAN MAHUPUN ANDAIAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS MEMBANTU PERLU MULA DIGANTI DENGAN KESEDARAN UNTUK LEBIH BERDIKARI DAN BERDIRI ATAS KEMAMPUAN SENDIRI. HAL INI MEMANDANGKAN EKONOMI DUNIA

SEDANG PANTAS BERUBAH DAN KERAJAAN TERPAKSA MEMBUAT BANYAK PERUBAHAN UNTUK MEMASTIKAN MALAYSIA TERUS BERDAYA SAING DI PERINGKAT GLOBAL.

5. LEGASI **DASAR EKONOMI BARU** (DEB) KINI MULA DIGANTIKAN DENGAN **MODEL EKONOMI BARU** (MEB) YANG TERUS MENGUBAH WAJAH EKONOMI MALAYSIA KE ARAH **PEMILIHAN BERTERASKAN MERIT, BIDANG PERNIAGAAN YANG MESRA PASARAN** DAN **EKONOMI BERSIFAT PASARAN TERBUKA**. ELEMEN-ELEMEN INI SECARA PERLAHAN-LAHAN TELAH MULA MENYEDARKAN ORANG MELAYU DAN BUMIPUTERA BAHAWA MEREKA PERLU KELUAR DARIPADA ZON SELESA.

6. NAMUN BEGITU, KITA BERSYUKUR KERANA UNTUK MEMPERKUKUH EKONOMI MELAYU, KITA TIDAK PERLU BERMULA DARI BAWAH KERANA EKONOMI MELAYU SUDAH MEMILIKI ASAS-ASAS YANG BOLEH DIPERKUAT. NAMUN KITA PERLU MENGENALPASTI CABARAN-CABARAN UTAMA YANG PERLU DITANGANI .

ANTARANYA ADALAH;

- I. MENDAPATKAN DANA DAN MODAL PERNIAGAAN YANG KUKUH
- II. MENEMBUSI *SUPPLY CHAIN* YANG DIKUASAI OLEH KAUM-KAUM LAIN
- III. MENGETAHUI APAKAH PRODUK-PRODUK YANG *MARKETABLE*
- IV. MEMBINA JARINGAN PERNIAGAAN YANG KUKUH AGAR DAPAT MEMBANTU ANTARA SATU SAMA LAIN

V. MENGUASAI TEKNOLOGI MAKLUMAT
UNTUK MELUASKAN JANGKAUAN
PEMASARAN

VI. BERGERAK MENEMBUSI PASARAN
GLOBAL

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

7. BERMULA PADA **1 JANUARI 2012**, **AKTA
PERSAINGAN 2010** AKAN MULA
DILAKSANAKAN DENGAN **SURUHANJAYA
PERSAINGAN MALAYSIA** TELAH DIBERIKAN
MANDAT SELAKU BADAN KERAJAAN YANG
AKAN MENYELIA PELAKSANAAN UNDANG-
UNDANG BARU INI. DI PERINGKAT
PERDASAMA, KITA AKAN MENGADAKAN SIRI-
SIRI MAJLIS PENERANGAN UNTUK
MERATAKAN PEMAHAMAN DAN KESEDARAN

INI DI KALANGAN USAHAWAN MELAYU DI SELURUH NEGARA. CAWANGAN-CAWANGAN PERDASAMA DISYORKAN UNTUK BERSAMA-SAMA MELIBATKAN DIRI SECARA AKTIF DI DALAM PROGRAM-PROGRAM BERSAMA SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA (MyCC) YANG AKAN DIANJURKAN DI PERINGKAT ZON.

8. PERDASAMA MENGAMBIL SIKAP OPTIMIS TERHADAP PELAKSANAAN AKTA INI YANG AKAN LEBIH MEMBERIKAN JAMINAN KEPADA WUJUDNYA PASARAN YANG LEBIH ADIL. AKTA INI PASTI AKAN MEMBERIKAN KESAN KEPADA PELBAGAI BIDANG PERNIAGAAN DAN PERDAGANGAN YANG TELAH DIJALANKAN DI NEGARA INI SEMENJAK KEMERDEKAAN LAGI. TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG DIHORMATI,

9. KITA JUGA PERLU MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK BEKERJA BERSAMA-SAMA UNIT PENERAJU AGENDA BUMIPUTERA, **TERAJU** UNTUK MENAIKKAN EKONOMI MELAYU DI NEGARA. PADA 26 NOV LALU, TERAJU TELAHPUN MELANCARKAN **HALATUJU TRANSFORMASI EKONOMI BUMIPUTERA** YANG MENGANDUNGI **4 STRETEGI** PENTING KE ARAH MENAIKKAN EKONOMI DAN KEMAMPUAN SYARIKAT-SYARIKAT MELAYU. DI SINI SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGESYORKAN SETIAP CAWANGAN PERDASAMA UNTUK BEKERJASAMA DENGAN ERAT BERSAMA TERAJU DALAM MELIBATKAN AHLI-AHLI DALAM SKIM-SKIM YANG DISEDIAKAN.

10. SEBELUM SAYA MENGUNDURKAN DIRI, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG BEKORBAN MASA DAN

TENAGA DALAM KESELESAAN Hujung
MINGGU DI PENGHUJUNG TAHUN 2011 INI
UNTUK MENGHADIRI SEMINAR INI.
PENGORBANAN SAUDARA DAN SAUDARI
ADALAH PENTING DALAM MEMASTIKAN
PERDASAMA TERUS RELEVAN DALAM
MEMBELA NASIB EKONOMI MELAYU.

11. MARILAH KITA BERSAMA –SAMA BERDOA,
BEKERJA BERSUNGGUH-SUNGGUH DAN
BERTAWAKAL KEPADA ALLAH SWT AGAR
PERDASAMA TERUS MAMPU BERPERANAN
DALAM MEMBINA KEKUATAN EKONOMI
BANGSA.

12. SEKIAN, WASSALAMUALAIKUM WBT.